RAMA-RAMA SPESIES IDEA LYNCEUS

MALAYSIAN GIANT TREE-NYMPH


Rama-rama spesies Idea lynceus merupakan antara rama-rama yang terbesar di Malaysia. Ia mempunyai kepompong unik berwarna keemasan dan hasil kajian yang dijalankan selama 16 tahun, rama-rama ini mampu melakukan penerbangan ulang-alik dari Melaka ke Kuala Lumpur sebanyak 44 kali dalam tempoh hayatnya 14 hari. Rama-rama ini bersayap putih dengan berurat dan berbintik hitam dari keluarga Danaidae yang terkenal dengan 'penerbangan' seperti sekeping kertas tisu terapung di udara.

Ia adalah rama-rama paling ringan di dunia dan terbang dengan kelajuan yang sangat rendah. Hanya Taman Rama-Rama dan Reptilia Melaka sahaja yang membiakkan rama-rama rama-rama ini kerana ia berasal dari Malaysia, dan kadangkala boleh di temukan di sebahagian Indonesia dan Thailand. Idea lynceus, diletakkan di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010 kerana hampir pupus. Ketika berada di habitat asalnya di dalam hutan, rama-rama betina mampu menghasilkan kira-kira 200 biji telur namun yang mampu hidup hanyalah dua peratus ataupun empat ekor sahaja, menjadikan ia antara serangga yang paling terancam. Bukan mudah untuk membiakkan Idea lynceus ini kerana memerlukan sejenis pokok renek dari jenis Agnosma sp, yang juga sukar untuk ditanam walaupun berada dalam persekitaran terkawal.



Gambar ulat beluncas idea lynceus

RAMA-RAMA *IDEA LYNCEUS* BAKAL PUPUS?




Mempunyai kepompong unik berwarna keemasan

Berasal dari keluarga Danaidae

Berasal dari Malaysia

Kadang kala ditemui di Indonesia & Thailand




Bersayap putih dengan berurat & berbintik hitam

Tempoh hayat hanya **14 hari**

- Terkenal dengan 'penerbangan' seperti sekeping kertas tisu terapung di udara
- Mampu terbang ulang-alik dari Melaka-Kuala Lumpur sebanyak **44 kali**
- Hanya Taman Rama-Rama & Reptilia Melaka di Ayer Keroh sahaja yang membiaknya di seluruh dunia
- Diletakkan di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010 kerana hampir pupus

FAKTOR KEMUNGKINAN LENYAP

- Taman Rama-Rama & Reptilia Melaka terpaksa henti kajian yang dijalankan sejak 2005
- Ini berikutan kekurangan dana akibat penjualan tiket yang terkesan dengan pelaksanaan PKP
- 10 ekor rama-rama terpaksa dilepaskan pada 1 Feb 2021
- Terdapat 10 ekor lagi di pusat konservasi yang sedang menanti masa untuk mati kerana kitaran hayat yang pendek



PKP: Perintah Kawalan Pergerakan

HASIL KAJIAN 16 TAHUN

MENCAPAI 90% PEMAHAMAN MENGENAI

- jantina - pokok perumah - ciri-ciri lain

- Kejayaan pertama adalah pembiakkan telur pada Nov 2011
- 500 ekor Idea lynceus dihasilkan sebulan ketika pusat konservasi beroperasi pada tahap optimum
- Mampu membesar sehingga 165 mm apabila dibiakkan di dalam makmal

"Kami berharap ada pihak menolong pusat konservasi ini agar mampu bertahan, sekali gus menyelamatkan Idea lynceus daripada terus pupus ketika kita berdepan dengan COVID-19."

PENGURUS TAMAN RAMA-RAMA & REPTILIA MELAKA, QURRATU A'IN ROHAMINORDIN

Sumber: Taman Rama-Rama & Reptilia Melaka

Diterbitkan: 13 Feb 2021
Infografik Bernama